

## AMALAN TADABBUR AL-QURAN KE ARAH PEMERKASAAN JATI DIRI DAN PEMANTAPAN ROHANI

Rohana Zakaria  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[rohana@kuis.edu.my](mailto:rohana@kuis.edu.my)

Hayati Hussin, Zainora Daud  
Universiti Sains Islam Malaysia

### ABSTRAK

*Pemeriksaan jati diri dan pemantapan rohani adalah suatu yang asasi dan perlu diterapkan bermula dari dalam diri setiap individu dan masyarakat bagi melahirkan sebuah negara bangsa dengan tujuan untuk membina identiti yang tulen dan murni yang boleh menjadi teras dan lambang keagungan serta keunggulan sesebuah negara. Maka kewajipan utama yang perlu dititikberatkan oleh setiap individu adalah amalan tadabbur al-Quran. Segala isi kandungan al-Quran menjadi sumber asas kepada manusia untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Tanpa mentadabburkan ayat-ayatnya, maka amat sukar untuk kita memahami dan menerima pengajaran dan ibrah untuk diimplementasikan dalam kehidupan. Ini bertepatan dengan matlamat dan tujuan al-Quran diturunkan pada manusia iaitu untuk ditadabbur, difahami, dihayati seterusnya diamalkan dalam kehidupan manusia. Justeru itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan mengenai amalan tadabbur al-Quran ke arah pemeraksanaan jati diri dan pemantapan rohani serta kepentingan tadabbur al-Quran dalam amalan harian. Hasilnya, mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang membantu bagi memperkasakan jati diri dan memantapkan kerohanian seseorang muslim melalui amalan tadabbur agar dapat melahirkan generasi pembina tamadun yang mampu menghayati kerohanian Islam secara dinamik dan positif. Seterusnya akan terserlahlah perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita berasaskan kepada pembangunan insan dan roh Islam berasaskan panduan al-Quran. Diharapkan kertas kerja ini menjadi salah satu sumbangan ke arah penerapan kefahaman sebenar terhadap amalan tadabbur al-Quran agar dapat melahirkan keperibadian muslim sejati dari segi fizikal, mental, spiritual dan akhlaknya mengikut acuan al-Quran yang berasaskan kepada tauhid dan keimanan kepada Allah S.W.T yang memenuhi sifat-sifat uluhiyyah dan rububiyah.*

**Kata kunci:** Amalan Tadabbur al-Quran, memperkasa jati diri dan pemantapan kerohanian

### 1. PENDAHULUAN

Pada hari ini, masyarakat disogokkan dengan segala macam masalah gejala sosial dalam kalangan masyarakat. Senario ini menggambarkan krisis moral yang dihadapi umat Islam semakin meruncing dan seolah-olah telah mula mendominasi kehidupan ummah kini. Walaupun pelbagai usaha yang telah dijalankan dalam membanteras isu ini, namun ianya belum menunjukkan tanda-tanda yang positif berkurangan bahkan fenomena keruntuhan akhlak ini semakin menjadi-jadi dari sehari ke sehari dan tetap menjadi isu yang hangat dalam laporan akhbar, internet dan sebagainya hingga boleh mengancam keselamatan masyarakat, bangsa, negara dan khususnya pada agama.

Gejala sosial yang melanda ummah kini dikatakan akibat langsung dari pengabaian pembangunan aspek dalaman insan. Pembangunan fizikal yang berteraskan pembangunan dimensi ekonomi secara keterlaluan telah mewujudkan pelbagai perubahan sosio budaya masyarakat. Misalnya, budaya mengejar kemewahan, individualistik, suka berseronok dan rapuhnya ikatan kasih sayang di antara sesama keluarga dan sebagainya yang bertentangan dengan norma masyarakat sebelum ini adalah gambaran realiti kehidupan yang dialami oleh masyarakat kini.

Pembangunan masyarakat yang banyak terarah kepada pembangunan material akan mewujudkan suasana masyarakat yang lebih cenderung kepada kesenangan materialistik, menukar sikap tolong-menolong dan mengambil berat masalah ummah kepada sifat individualistik dan mementingkan diri sendiri. Akibatnya, masyarakat tidak lagi peka terhadap isu-isu yang melibatkan ummah hingga menyebabkan masyarakat mengalami krisis moral yang telah mencapai tahap yang kritikal.

Oleh itu, pembangunan perlu dikonsepsikan secara lebih menyeluruh dari sekadar peningkatan pendapatan dan kemewahan material. Pembangunan sebenarnya menuntut kita untuk mengambil kira manusia itu terlebih dahulu agar pembangunan itu mesra manusia dan kesejahteraan mereka. Dengan ini, perlu difahami bahawa matlamat akhir pembangunan bukanlah untuk tujuan pertumbuhan material semata-mata, sebaliknya ia adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi manusia agar masyarakat yang wujud kelak bukanlah dari kalangan manusia yang hanya kaya material akan tetapi miskin jiwanya, tandus sosio budayanya dan juga gersang nilai-nilai kerohaniannya.

## 2. DEFINISI TADABBUR

Kalimah *tadabbur* dari aspek etimologi adalah berasal daripada Bahasa Arab di mana kata dasarnya adalah *dabbara* (دبر) yang membawa maksud mengikut daripada belakang (Kamus Oxford Fajar 2008). Menurut ahli bahasa, Ibn Faris: *dabbara* (دبر) memberi maksud penghujung bagi sesuatu (Ibn Faris. *Mu'jam Maqayis Lughah*).

Manakala *tadabbur* membawa maksud melihat akibat atau kesan daripada sesuatu perkara atau perbuatan yang dilakukan. *Tadabbur* adalah pemerhatian, penelitian, renungan serta pengkajian yang dilakukan terhadap makna al-Quran. Proses ini berlaku melalui penelitian, renungan dan berfikir terhadap hakikat sesuatu atau sebahagiannya memerhatikan perkara disebaliknya (Mahmud al-Alusi. *Ruh al-Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-Adzim*. Juz 5, h 92).

Menurut al-Lahim (2004) *tadabbur* merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat dari kalamullah dan peringatan-peringatan yang mendalam dan terperinci. Manakala menurut al-Qardhawi (1999) bahawa *tadabbur* adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Manakala *tadabbur* menggerakkan fikiran tentang akibatnya. Selain itu, makna *tadabbur* menurut al-Zuhaili (2009: Jil 3,176) adalah merenungkan makna-maknanya dan meneliti kandungannya.

Menurut Imam as-Suyuti (1996), *tadabbur* al-Quran bermaksud memerhatikan perintah suruhan dan larangan di dalam al-Quran serta berusaha untuk menerima dan beramal dengannya. Seandainya seseorang mengabaikannya, maka dia akan memohon keampunan dan beristighfar kepada Allah. Apabila membaca ayat-ayat rahmat, dia akan bergembira dan berdoa. Apabila membaca ayat-ayat azab, dia akan merasa takut dan memohon perlindungan daripada-Nya.

Kalimah *tadabbur* menurut pengertian istilah turut mempunyai pelbagai kupasan oleh para ulama. Menurut dapatan Nurul Zakirah (2014) kebanyakan takrifan ulama tafsir mengenai kalimah *tadabbur* menerangkan makna yang hampir serupa dan tiada perselisihan.

Kesimpulannya *tadabbur* boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai

dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian.

### 3. KEPENTINGAN TADABBUR AL-QURAN

Tujuan *tadabbur* al-Quran adalah untuk menyedarkan atau menghidupkan hati yang sepatutnya membuahkan hasil sebagai tanda kepada khusyuk seperti bergetar hati, menangis, takut, iman semakin bertambah, mengharap dan lain-lain. Itulah tanda hidayah yang dicampakkan oleh Allah swt iaitu nur yang dengannya Allah swt memimpin manusia.

Membaca al-Quran suatu ibadah yang mulia dan mempunyai banyak kelebihan. Namun sekadar bacaan tanpa memahami isi dan penghayatan makna ia belum mencapai matlamat dan tujuan utama al-Quran diturunkan. Orang yang membaca al-Quran dituntut untuk *mentadabbur* dan memahaminya. Ini adalah tujuan utama Allah menurunkan al-Quran iaitu untuk *ditadabbur* (al-Maliki 2010). Sebagaimana maksud firman Allah dalam Surah Saad 38:29;

“Al-Quran ini sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.

Ayat ini menjadi dalil tentang kewajipan melakukan *tadabbur* terhadap al-Quran. Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk dihayati dan *ditadabbur* serta dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan setiap diri muslim yang beriman kepada Allah (al-Ahdal 2012). Kebahagiaan yang abadi adalah dengan mengikut dan mengamalkan al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Maka dengan melakukan *tadabbur* al-Quran dapatlah diketahui dan difahami isi kandungannya untuk diambil pelajaran dan diamalkan di dalam kehidupan. Dalam masa yang sama, Allah mencela dan memperlekehkan orang yang tidak *bertadabbur* dengan al-Quran. Sebagaimana maksud firman Allah swt dalam Surah Muhammad 47:24:

“Setelah diterangkan yang demikian maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran”.

Orang yang tidak melakukan *tadabbur* hati mereka seakan-akan telah terkunci untuk mendapat kebenaran, kerana tidak mengetahui kandungan al-Quran yang menjadi kewajipan mereka. Berkata Hassan al-Basri : Demi Allah, bukanlah *tadabbur* itu dengan menghafaz huruf-huruf al-Quran itu dan mencuaikan undang-undangnya sehingga ada yang berkata; “ Aku telah membaca al-Quran, tidak satupun hurufnya yang tertinggal.” Demi Allah, dia telah meninggalkan semuanya kerana tidak nampak sedikitpun kesan pengajaran al-Quran pada akhlak dan amalannya (as-Sobuni 1999). Allah juga berfirman dalam al-Quran Surah al-Mukminun 23:68 sebagaimana maksudnya yang berikut:

“Maka adakah mereka melakukan yang demikian kerana mereka tidak dapat memahami kata-kata ajaran yang disampaikan kepada mereka atau kerana telah datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah datang kepada datuk nenek mereka yang telah lalu?”

Begitu juga dalam Surah an-Nisa'47: 82 :

“Patutkah mereka bersikap demikian, tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? kalaulah Al-Quran itu datangnya bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.”

Menerusi ayat tersebut dapat difahami ia adalah suatu kutukan terhadap diri orang yang membaca tanpa memahami dan menghayati isi al-Quran. Bahkan, ia suatu gesaan atas manusia agar membaca al-Quran dengan penuh penghayatan dan kefahaman (As-Syanqithi 2010). Sayidina Ali bin Abi Thalib mengingatkan bahawa:“ Tiada kebaikan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya, dan tiada kebaikan dalam membaca al-Quran bagi yang tidak *tadabbur* padanya” (ad-Darimi 2007: Jil 1,101). Menurut Hassan al-Basri pula: Sesungguhnya para sahabat memandang al-Quran sebagai surat daripada Tuhan mereka. Mereka bertadabbur dengannya pada waktu malam dan mengamalkan kandungannya pada siang harinya (an-Nawawi 1992).

Imam az-Zarkasyi (1972) mengatakan bahawa membaca Al-Quran tanpa *tadabbur* makruh hukumnya. Sebagaimana diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru ‘dianggap tidak faham orang yang membaca al-Quran kurang dari 3 hari’ (ad-Darimi 2007; Jil 2,927). Ia dicela kerana telah mempercepatkan lafaz-lafaznya dan meninggalkan proses memahami isinya yakni *tadabbur*’.

Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi oleh Imam an-Nawawi di dalam ‘*Syarah al-Muhazzab*’ dengan katanya: “Para ulama telah bermuafakat bahawa makruh melampui had dalam cepat membaca. Mereka juga berpendapat, pembacaan satu juzuk dengan cara tartil lebih afdhal daripada bacaan dua juzuk pada kadar zaman itu tanpa tartil. Para ulama juga berpendapat bahwa disunatkan membaca dengan *tartil* adalah untuk ditadabbur. Ia hampir kepada mengagungkan al-Quran dan penghormatan padanya, serta lebih memberi kesan yang kuat pada hati. *Tadabbur* ini juga disunatkan bagi orang ‘*ajam* yang tidak memahami maknanya” (As-Suyuti 1996).

Oleh itu, arahan membaca al-Quran dengan *tartil* bukan setakat bacaan sahaja ,tetapi merangkumi dengan pemahaman dan penghayatan. Inilah yang disebut oleh Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani r.a katanya: ‘ Bab *tartil* dalam bacaan iaitu kejelasan huruf-hurufnya dan kecermatan dalam melakukannya agar ia lebih membawa kepada faham maknanya (al-‘Asqalani 1996: Jil 10,109 ). Justeru, membaca al-Quran secara *tartil* membantu seseorang dalam mentadabbur al-Quran. Menyedari hal inilah, maka kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menggapai dahan *tadabbur*.

#### **4. PEMBENTUKAN JATI DIRI**

Jati diri adalah teras utama kepada pembinaan identiti bangsa dan negara. Jati diri, secara amnya menggambarkan hasil sesuatu yang melibatkan perilaku seseorang individu itu sendiri. Sesetengah pihak menyamakan jati diri dengan pembangunan insan. Jati diri ini perlu dilihat dari seluruh aspek manusia meliputi jasmani, emosi, rohani dan intelektual ( Abdul Hafiz etc 2012 ). Jati diri yang tinggi terbentuk melalui asuhan kejiwaan dengan al-Quran yang mendidik hati, melaksanakan segala kewajipan yang ditentukan oleh Allah dan lahirlah individu yang tinggi nilai keinsanan dan seterusnya lahirlah jiwa-jiwa merdeka dari penjajahan nafsu syaitan yang sentiasa berusaha menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan.

Jati diri yang tinggi amat penting bagi memastikan kedaulatan dan kemakmuran negara dikekalkan. Ia juga lambang keagungan negara berdaulat. Pembentukan jati diri adalah suatu yang asas dan menjadi agenda utama bagi setiap negara bangsa dengan tujuan untuk membina identiti yang tulen dan murni yang boleh menjadi teras dan lambang keagungan serta keunggulan sesebuah negara.

Insan yang lemah jati diri adalah disebabkan oleh lemahnya iman dalam diri seseorang. Hal ini adalah berpunca daripada pegangan agama yang goyah. Amalan meninggalkan ajaran-ajaran al-Quran dan seruan-seruan sunnah dalam kehidupan seharian, pasti membawa diri kepada kerosakkan dan kepincangan dalam hidup. Tanpa didikan agama dan pegangan al-Quran yang kukuh, manusia tidak mempunyai pegangan hidup dan tidak takut untuk melakukan sesuatu perkara walaupun bertentangan dengan Islam.

## **5. UNSUR KEROHANIAN**

Kerohanian merujuk kepada perihal rohani, sifat-sifat rohani atau rohaniah (Dewan Bahasa dan Pustaka 1997) Sesuatu yang berkait dengan kerohanian pula merupakan persoalan yang melibatkan soal hati. Kerohanian bermula apabila berjaya menghidupkan hati dan minda manusia yang telah mati dengan melakukan proses tazkiyah al-Nafs (Abdul Shukor 1999) .Namun begitu terdapat juga beberapa istilah lain yang berkaitan dengan unsur roh ini seperti aql, nafs, dan qalb yang sebenarnya menunjukkan kepada zat diri yang sama tetapi berbeza dari segi peringkat seseorang itu berada. Dalam al-Quran perkataan qalb ini banyak disebut oleh Allah dan apabila disebut ia bermaksud hati yang bukan zahir. Qalb diertikan sebagai “Latifah rabbaniyyah atau unsur halus yang bersifat rabbani atau yang dibangsakan kepada rabbani dan mempunyai hubungan dengan jantung hati jasmani” (Mohd Sulaiman Yasin. 1992: 195)

Sebagaimana jasad yang perlu kepada penjagaan dan makanan agar ia menjadi sihat dan bertenaga, begitu jugalah roh ini memerlukan penjagaan dan rawatan agar ia sentiasa segar dan bersifat positif dalam menjalani kehidupan seharian. Sebenarnya kekuatan kerohanian inilah yang paling diperlukan oleh manusia bagi mengawal dirinya agar tidak terjebak ke dalam perkara-perkara negatif seperti zina, maksiat dan sebagainya.

Hati yang hidup adalah hati yang mendapat kesan daripada bacaan al-Quran secara *bertadabbur*. Seseorang perlu memiliki jiwa dan hati yang teguh untuk meningkatkan dan membangunkan spiritual. Akal dan hati yang jernih memainkan peranan penting untuk merasai keindahan ayat-ayat suci dan pengaruhnya dalam jiwa, serta kehidupan manusia. Hati yang diberi peluang untuk meneliti dan merenung pengajaran dan ibrah yang disampaikan melalui ayat-ayat suci al-Quran pasti akan meninggalkan kesan dan impak yang positif terhadap diri dan spritual pembaca al-Quran.

## **6. AMALAN TADABBUR KE ARAH MEMPERKASAKAN JATI DIRI DAN MEMANTAPKAN ROHANI**

Ketinggian sahsiah, akhlak dan jati diri merupakan matlamat dalam pembangunan insan yang perlu dicapai serta layak menjadi anggota masyarakat yang dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Ia juga bertujuan untuk membangun diri atau membangun potensi diri seorang muslim seterusnya bagi membangun masyarakat dan negara. Matlamat tersebut sangat penting kerana ia menjadi petunjuk arah kepada pelaksanaan segala usaha (Abdul Aziz Mohd Zin 2010).

Jati diri yang diterapkan melalui penghayatan amalan tadabbur akan melahirkan keyakinan, hati yang tulus, ikhlas dan keperibadian yang tersusun dan dinamik. Pembaca al-Quran yang memahami ayat-ayat Allah dikurniakan hati yang bersih, tenang dan hidup bersama al-Quran. Maka dengan itu, akan membentuk jiwa manusia untuk yakin dan beriman sepenuhnya kepada kalam Allah. Akal dan hati yang jernih memainkan peranan penting untuk merasai keindahan ayat-ayat suci dan pengaruhnya dalam jiwa, serta kehidupan manusia. Hati yang diberi peluang untuk meneliti dan merenung pengajaran dan ibrah yang disampaikan melalui ayat-ayat suci al-Quran pasti akan meninggalkan kesan dan impak yang positif terhadap diri dan spritual pembaca al-Quran.

Terdapat beberapa elemen yang membantu bagi memperkasakan jati diri dan memperkukuhkan kerohanian seseorang muslim melalui amalan tadabbur antaranya ialah:

**i. Melahirkan keyakinan di hati**

Orang yang membaca al-Quran dengan tadabbur akan memperoleh keyakinan yang sempurna. Apabila hati menyelami makna ayat-ayat al-Quran, ia akan menghasilkan kedamaian hati. Allah mengulang-ulang ayat, mempelbagaikan keterangan, memberikan tamsilan dan pelbagai penjelasan agar hati yang sentiasa bertadabbur sentiasa hidup dan selalu bertaut dengan al-Quran.

**ii. Meningkatkan keimanan**

Iman seseorang muslim akan bertambah apabila meyakini dan mengamalkan al-Quran serta selalu berpandukan al-Quran dalam beramal kebajikan. Hati yang terkesan dengan pengaruh al-Quran yang dimasuki cahaya dan nur al-Quran lalu nur al-Quran menempati tempat yang gelap dalam hati. Al-Quran melapangkan dada dan mententeramkan hati mereka sehingga bersegera melakukan kebajikan dengan perasaan lapang dan tenang. Ini kerana dia dapat merasakan bahawa Allah sedang berbicara dengannya. Setiap ayat yang mengandungi hukum dapat dirasakan seolah-olah Allah memerintahkannya secara langsung. Begitulah juga sebaliknya.

**iii. Gedung ilmu dan selamat dari syubhat**

Al-Quran menjadi gedung ilmu bagi orang-orang mukmin yang memanfaatkannya dan menjadi benteng serta menepis segala penyakit hati dan badan. Rasa ragu dan bimbang akan lenyap sebab mereka faham dan mendalami serta menghayati apa yang dikehendaki Allah Taala.

**iv. Tidak tergoda dengan dunia dan dekat dengan akhirat**

Kehidupan di dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan. Hanya orang yang bijak dan diberi hidayah oleh Allah yang akan menyedari hakikat hidup ini iaitu mencari kecintaan Allah. Tanda seseorang itu dicintai Allah adalah ia dianugerahi kemanisan dalam melakukan amal ketaatan, suka berzikir, membaca al-Quran dan beribadah kepadaNya. Setiap amalan yang dilakukan sama ada ibadah khusus mahupun ibadah umum akan terasa ringan.

**v. Mengenal hakikat dunia yang sebenar**

Hakikat hidup ini berapa ramai manusia yang dalam proses mengumpul harta dan mengejar dunia ini melanggar perintah Allah. Tujuan kehidupan bukan mencari harta, tetapi taat kepada Allah. Harta hanya sebahagian kecil wasilah atau perantaraan atau keperluan untuk kita taat kepada Allah. Tidak mungkin kita boleh

taat kepada Allah tanpa memahami agama walaupun kita banyak harta. Dalam kehidupan yang sementara ini, kita dinilai oleh Allah bukan berdasarkan banyaknya harta dan kekayaan tetapi berdasarkan amal soleh kita.

**vi. Mengukuhkan dan menyatukan dalam menghadapi perpecahan dan perselisihan**

Orang-orang yang berselisih wajib mengembalikan semua permasalahan kepada al-Quran dan sunnah. Jika ia tidak mampu mengembalikan kepada keduanya, karena tidak memiliki ilmu tentang nas-nas al-Quran dan as-Sunnah, maka kewajibannya adalah bertanya kepada para ahli ilmu. Oleh karena itu, menghormati para ulama itu wajib, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pewaris Nabi, tidak bersikap *ghuluw* (melewati batas).

Menyatukan ummah dan mengelakkan perpecahan merupakan tugas-tugas kemasyarakatan yang mempunyai kedudukan yang penting, sehingga dihargai lebih tinggi daripada ibadah-ibadah ritual. Semua umat Islam mengimani bahwa Al-Quran adalah pedoman dalam segala urusan. Termasuk pedoman untuk menyatukan umat Islam ketika berselisih. Maka apabila umat Islam berselisih hendaknya kembali kepada petunjuk Al-Quran.

Faktor penunjang lahirnya persaudaraan dalam erti luas ataupun sempit adalah persamaan. Semakin banyak persamaan maka akan kian kukuh persaudaraan. Persamaan rasa dan cita merupakan faktor dominan yang mendahului lahirnya persaudaraan hakiki, dan pada akhirnya menjadikan seseorang prihatin derita saudaranya, dengan menghulurkan tangan sebelum diminta, serta memperlakukan saudaranya bukan atas dasar menerima dan memberi.

**vii. Dijauhkan dari segala perkara yang menakutkan.**

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan menjadi tenang dan perasaan khusyuk akan timbul dalam dirinya. Al-Quran yang dibaca diselami maknanya secara tenang dan menerima segala peringatan dengan penuh penerimaan.

**viii. Memupuk rasa takut, harap dan ketenangan.**

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan bergetar dan berasa takut akan azab dan kemurkaan Allah. Kesan daripada perasaan itu, dia akan sentiasa berasa takut untuk melakukan apa jua yang dilarang Allah swt. Kemudian dia sentiasa berusaha melakukan perkara baik dan mengharap pengampunan dari Allah Taala. Akhirnya akan membuahkkan ketenangan kerana sentiasa dekat dengan Allah Taala.

Natijah yang diperolehi daripada amalan tadabbur ini, akan menghasilkan sifat taqwa dan meningkatkan keyakinan serta keimanan terhadap Allah swt. Oleh itu, akhlak yang baik ialah yang berpaksikan kepada keimanan dan ketauhidan yang mutlak.

## **7. KESIMPULAN**

Ketenangan, ketenteraman dan kemantapan jiwa merupakan rahmat Allah SWT kepada hamba-hambanya yang sentiasa dekat serta mengabdikan diri kepada Allah SWT. Amalan

tadabbur yang dilakukan ketika membaca al-Quran secara istiqamah jelas dapat membantu menghindarkan pentadabbur dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Di dalam al-Quran Allah SWT dengan jelas memerintahkan setiap hambanya agar mentadabbur setiap kali membaca al-Quran.

Segala perintah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada setiap hambanya pasti mempunyai justifikasi tersendiri. Apa yang dikemukakan dalam al-Quran mengenai kelebihan tadabbur serta hubungannya dengan ketenangan dan ketenteraman jiwa manusia telah pun dibuktikan dengan pengamalan pentadabbur.

Pemeriksaan jati diri dan pementapan kerohanian melalui asuhan kejiwaan dengan al-Quran yang mendidik hati, melaksanakan segala kewajipan yang ditentukan oleh Allah dan lahiriah individu yang tinggi nilai keinsanan dan seterusnya lahiriah jiwa-jiwa merdeka dari penjajahan nafsu syaitan yang sentiasa berusaha menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan. Bagi mereka yang sentiasa mendekati Allah melalui amalan tadabbur ketika membaca al-Quran pastinya mereka akan memperolehi ketenangan serta kedamaian jiwa yang hakiki serta berjaya menghindarkan diri mereka dari pelbagai jenis penyakit hati seperti takabbur, hasad dengki, riya' dan sebagainya yang mendatangkan kerosakan serta kehancuran pada diri mereka.

Jelaslah di sini pemeriksaan jati diri dan penerapan roh rabbani melalui amalan tadabbur akan menatijahkan individu yang sentiasa menyelam pertautan yang menyeluruh kepada Pencipta, sekaligus ia membina individu muslim agar memiliki prinsip yang nyata dalam pembangunan modal insan menurut al-Quran dan sunnah.

## 8. RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zin 2010, *Pembangunan Insan Melalui Pemeraksanaan Dakwah*.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa; Ahmad Munawar 2012, *Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak*, Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 23-35 [www.ukm.my/jhadhari](http://www.ukm.my/jhadhari)
- Abdul Shukor bin Husin. 1999. "Pemikiran Akidah Islam Pendekatan dan Penghayatan dalam Perspektif Bediuzzaman Said Nursi." 1-11.
- Mohd Roslan Mohd Nor et.al (eds), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 34, 35.
- Al-Lahim Khalid bin Abdul Karim (1425H) *Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-Hayat*. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh
- As-Suyuti 1996. *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Muassasah al-Kutub al-Thaqafiah
- Al-Qardhawi Yusuf (1998) *Kaifa Nata'amal Ma'al Quran*. Dar al-Syuruq
- Dr Wahbah al-Zuhaili 2009. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-manhaj*. Dar al-Fikr Dimasyq.
- Hasyim bin Ali al-Ahdal 2012. *Ta'lim tadabbur al-Quran al-Kareem Asalib Amaliyyah wa Marahil Manhajiyah*. Markaz ad-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah. Bi Maahad al-Imam al-Syatibi. 2012
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 1993. Cetakan keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar 2008. Edisi keempat (dikemaskini). Oxford Fajar sdn. Bhd.
- Nurul Zakirah Mat Sin, 2014 : *Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir*.

Sayyid Muhammad Alwi al-Maliki 2010: *Keistimewaan-keistimewaan al-Quran*. Terbitan Alam Raya Enterprise. Februari 2010.

Syeikh As-Syanqithi. *Tafsir adhwa'ul Bayan tafsiral-Quran dengan al-Quran*. Takhrij Syaikh Muhammad & AAbdul Aziz Al-Khalidi. Pustaka Azzam. Cetakan Oktober 2010